

Rampas dadah RM900,000 dalam enam serbuan

5 Disember 2017

Fakta
nombor**8.2**
KILOGRAM
syabu**3,950**
PIL
ekstasi

Rampas dadah RM900,000 dalam enam serbuan

[FOTO BERNAMA]



Mohd Kamarudin menunjukkan pelbagai jenis dadah yang dirampas pada sidang media di IPK Johor, semalam.

Johor Bahru: Polis merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM900,000 selepas menahan tujuh individu dalam enam serbuan berasingan di sekitar bandar raya ini dan Kuala Lumpur.

Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Kamarudin Md Din, berkata dalam serbuan bermula pada jam 8.30 malam hingga 10.15 malam Sabtu lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman yang turut disertai Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman menahan lima lelaki dan dua wanita berusia 26 hingga 52 tahun.

Katanya, turut dirampas syabu seberat 8.2 kilogram (kg), heroin (1.5kg) dan ketamin (605 gram), selain 2,205 pil khayal, 1,101 pil erimin 5 serta 3,950 pil ekstasi.

“Hasil perkongsian maklumat ri-

sikan daripada Biro Pencegahan dan Kawalan Narkotik (PNSB) Thailand serta Pusat Biro Narkotik (CNB) Singapura ini, polis berjaya menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah antarabangsa yang didalangi sindiket tempatan di sekitar kawasan Johor dan Kuala Lumpur.

Dadah untuk kegunaan tempatan, eksport

“Hasil maklumat awal, dipercayai dadah berkenaan bagi kegunaan tempatan dan dieksport ke luar negara, selain serbuan di lima lokasi penyimpanan dadah di sekitar Bandar Dato’ Onn serta Taman Mount Austin dan satu lokasi di Kuala Lumpur,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Mohd Kamarudin berkata, nilai keseluruhan sitaan berjumlah RM915,533.14, termasuk pelbagai wang tunai bernilai RM144,756; pelbagai jenis barang kemas bernilai RM40,777.14 dan tujuh kereta mewah bernilai RM730,000.

Katanya, semua yang ditahan direman mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Polis Diraja Malaysia, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik sentiasa berusaha membanteras sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sepanjang Januari hingga semalam, 15,393 individu ditahan atas pelbagai kesalahan membabitkan dadah.